

Roll No.

--	--	--	--	--	--	--

Candidates must write the Code on the title page of the answer-book.

- Please check that this question paper contains **16** printed pages.
- Code number given on the right hand side of the question paper should be written on the title page of the answer-book by the candidate.
- Please check that this question paper contains **9** questions.
- **Please write down the Serial Number of the question before attempting it.**
- 15 minute time has been allotted to read this question paper. The question paper will be distributed at 10.15 a.m. From 10.15 a.m. to 10.30 a.m., the students will read the question paper only and will not write any answer on the answer-book during this period.

## BAHASA MELAYU

*Time allowed : 3 hours*

*Maximum Marks : 80*

*Masa : 3 jam*

*Markah : 80*

### **General Instructions :**

*The question paper is divided into **four** sections :*

*Section A : Reading Comprehension      15 marks*

*Section B : Writing                              25 marks*

*Section C : Grammar                            15 marks*

*Section D : Literature                         25 marks*

## JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

### ARAHAN:

1. Kertas soalan ini mengandungi **empat** bahagian, iaitu **Bahagian A, B, C, dan D**.
2. **Bahagian A** terdiri daripada **Soalan 1** yang mengandungi **tiga** bahagian, iaitu **(i), (ii), dan (iii)**. Anda diwajibkan untuk menjawab semua bahagian tersebut.
3. **Bahagian B** terdiri daripada **Soalan 2** yang mengandungi tiga bahagian, iaitu **(i), (ii), dan (iii)**. Anda diwajibkan untuk menjawab semua bahagian tersebut.
4. **Bahagian C** terdiri daripada **Soalan 3, 4, dan 5** yang mengandungi 15 soalan tatabahasa. Jawab semua soalan.
5. **Bahagian D** terdiri daripada **Soalan 6, 7, 8, dan 9**. Semua soalan dalam bahagian ini ialah soalan KOMSAS. Anda diwajibkan untuk menjawab semua soalan.
6. Anda dinasihati supaya mengambil masa untuk menjawab soalan **Bahagian A (50 minit), B (40 minit), C (40 minit), dan D (30 minit)**.
7. Anda dikehendaki menulis jawapan dalam kertas jawapan yang telah disediakan.
8. Anda diberi masa 15 minit untuk membaca kertas soalan. Anda **tidak** dibenarkan menulis atau membuat sebarang catatan dalam tempoh tersebut.
9. Kertas soalan ini mengandungi **13 halaman** bercetak sahaja.

**Bahagian A**  
**[15 Markah]**

**Soalan 1**

- (i) **Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.**  
**(5 Markah)**

Malaysia sebagai negara yang terletak di garisan khatulistiwa tidak dapat lari daripada mengalami fenomena cuaca ekuinoks. Ekuinoks menyebabkan jumlah panjang masa antara siang dengan malam adalah sama, malah sinaran matahari yang diterima juga adalah penuh pada setiap hari. Walau bagaimanapun, Malaysia mungkin tidak merasakan perbezaan panjang masa antara siang dengan malam tersebut.

Fenomena ekuinoks boleh memberikan kesan kepada kesihatan manusia. Antaranya termasuklah menimbulkan gejala strok haba. Strok haba terjadi apabila badan tidak lagi dapat melepaskan suhu tinggi tubuh secara berkesan. Pada ketika itu, suhu teras tubuh boleh mencapai setinggi 40 darjah Celsius. Suhu setinggi ini merupakan peringkat kecemasan yang memerlukan rawatan segera kerana tubuh kehilangan 10 peratus daripada kandungan airnya yang menyebabkan tekanan darah amat rendah. Strok haba tidak berlaku dalam sekelip mata, sebaliknya pada beberapa peringkat, malah kepada sesiapa sahaja, termasuklah pada haiwan peliharaan.

Rawatan harus dilakukan dalam masa 45 minit selepas mangsa mengalami strok haba. Keutamaan rawatan ialah menurunkan suhu badan mangsa. Antaranya termasuklah membawa mangsa ke tempat teduh atau ke bilik yang sejuk atau berhawa dingin, atau di bawah kipas, lap anggota badan dengan menggunakan tuala basah, atau rendam mangsa di dalam kolam air, mangsa tidak boleh diberi minuman langsung (boleh melalui *intravenous drip*), dan membawa mangsa segera ke klinik atau hospital yang berdekatan.

Strok haba boleh menyebabkan suhu tubuh badan menjadi tinggi. Keadaan ini akan mengakibatkan kerosakan otak, jantung, buah pinggang, dan otot badan. Kelewatan mendapatkan rawatan boleh membawa maut.

(Dipetik dan diubah suai: "Ekuinoks"  
daripada Dewan Bahasa, Mei 2016)

1. Fenomena ekuinoks menyebabkan ...
- A. panjang masa siang dengan malam tidak sama.
  - B. panjang masa siang dengan malam adalah sama.
  - C. sinaran matahari yang diterima separuh sepanjang hari.
  - D. Malaysia dapat merasai perbezaan panjang masa antara siang dengan malam.

2. Berapakah teras suhu tubuh yang memerlukan rawatan segera?
  - A. 20 darjah Celsius
  - B. 30 darjah Celsius
  - C. 40 darjah Celsius
  - D. 50 darjah Celsius
  
3. Berikut ialah rawatan yang boleh dilakukan kepada mangsa ekuinoks, **KECUALI** ...
  - A. menurunkan suhu badan mangsa
  - B. membawa mangsa ke bilik yang sejuk
  - C. mengelap badan menggunakan tuala basah
  - D. memberi mangsa minum air secara langsung
  
4. Apakah yang perlu dilakukan untuk mengelakkan daripada terkena ekuinoks?
  - A. Memakai pakaian yang tebal.
  - B. Melakukan aktiviti di tempat yang tertutup.
  - C. Elak melakukan aktiviti pada permukaan yang panas.
  - D. Minum air sekurang-kurangnya 1.5 liter sehari
  
5. Strok haba boleh mengakibatkan kerosakan ...
  - A. ovari
  - B. hempedu
  - C. paru-paru
  - D. buah pinggang

(ii) Baca berita di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan yang berikutnya.

**(5 Markah)**

KUALA TERENGGANU, 5 April- Bekas Pengarah Jabatan Perhutanan Terengganu, Datuk Azmi Nordin mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan di Mahkamah Seksyen di sini, semalam, atas tiga pertuduhan menerima rasuah keseluruhan berjumlah RM60,000 pada Mac hingga Ogos 2013.

Tertuduh berusia 58 tahun yang ketika ini bertugas sebagai Pengarah Bahagian Sivikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, Jabatan Hutan Semenanjung membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Mohammad Haldar Abdul Aziz. Bagi pertuduhan pertama, Azmi didakwa menerima RM30,000 daripada kontraktor balak, Yew Keong Fah, 49 tahun bertempat di Malayan Banking Berhad cawangan Kuala Terengganu pada 3 Mac 2013.

Pertuduhan kedua, Azmi didakwa menerima suapan daripada individu yang sama berjumlah RM20,000 di Bank Islam Malaysia Berhad cawangan Kuala Terengganu pada 16 Jun 2013. Manakala pertuduhan ketiga, dia didakwa menerima RM10,000 daripada individu yang sama di lokasi yang sama pada 13 Ogos 2013. Tertuduh didakwa menerima suapan itu untuk memberikan kelulusan membalak kepada

Syarikat Ciri Bina Machinery & Hardware Sdn. Bhd. di Kompatmen 36b dan 40a, Hutan Simpan Hulu Terengganu. Mohammad Haldar kemudiannya membenarkan tertuduh diikat jamin RM15,000 dan menetapkan 8 Mei sebagai tarikh sebutan semula kes.

(Dipetik dan diubah suai daripada “*Dituduh terima suapan kelulusan membalak*” Berita Harian, 5 April 2017)

1. Berapakah jumlah keseluruhan rasuah yang diterima oleh pesalah?
  - A. RM10,000
  - B. RM20,000
  - C. RM30,000
  - D. D. RM60,000
  
2. Pesalah menerima \_\_\_\_\_ pertuduhan.
  - A. 1
  - B. 2
  - C. 3
  - D. 4
  
3. Tujuan menerima suapan adalah untuk \_\_\_\_\_.
  - A. pertanian
  - B. pembalakan
  - C. pelancongan
  - D. kebudayaan
  
4. Siapakah memberikan suapan tersebut?
  - A. Abdul Aziz
  - B. Azmi Nordin
  - C. Yew Keong Fah
  - D. Mohammad Haldar
  
5. Pernyataan di bawah adalah benar **KECUALI**
  - A. pesalah dibenarkan ikat jamin sebanyak RM20,000.
  - B. pesalah telah dibacakan dengan dakwaan 3 kesalahan.
  - C. 8 Mei merupakan penetapan tarikh sebutan semula kes.
  - D. pesalah menerima suapan untuk memberikan kebenaran pembalakan.

(iii) Baca catatan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan berikutnya.

(5 Markah)

Dari Danang, kami menaiki bas menuju ke selatan. Perjalanannya melalui tepi pantai dan juga mengarah ke barat, selama hampir satu jam. Tujuan kali ini ialah My Son, di daerah Quang Nam. Tempatnya tidak mudah untuk dijejak. Bas perlu berhenti di luar kawasan kuil yang ruangnya berkongsi dengan pohon-pohon. Di celah pokok ada dua barisan gunung jauh yang merenung lembahnya ialah sebatang anak sungai yang menjadi sumber kehidupan agama dan budaya di sini, malah dijadikan sebagai air minuman dan sumber pengairan pertanian.

Oleh sebab tempatnya baik, terlindung dan sedikit jauh daripada riuh pantai, maka di sinilah dipilih untuk membina sejumlah kuil Hindu (Mazhab Siva) sebagai persembahan kepada dewa Shiva. Kompleksnya adalah antara yang terbesar di Asia Tenggara kerana terdapat sekitar 70 buah bangunan semuanya di lembah ini. Kini, hampir semua tempat tidak terjaga dan ada yang sudah runtuh. Ia berpunca daripada pergerakan dan perubahan waktu dan cuaca. Namun, menurut catatan sejarawan, yang menyedihkan ialah selama satu minggu kompleks ini telah dibom oleh Amerika secara pengeboman lata-luas.

Kami dibawa ke sini bagi tujuan untuk melihat tempat tanda kemuliaan raja Cham serta makam para memerintah negeri, seperti Indrapura dan Simhapura. Malah, terdapat beberapa maklumat penting pada dinding yang diukir dalam bahasa Sanskrit dan bahasa Cham. Atas kepentingannya sebagai pusat agama dan budaya kerajaan Cham, bantuan antarabangsa telah disalurkan melalui projek UNESCO berstatus Pagan dan Angkor kerana ia dianggap tempat yang terpenting di Asia Tenggara.

Ahli arkeologi telah mengkategorikan kompleks ini kepada beberapa bahagian. Namun, pembahagiannya tidak jelas dan tanpa penjelasan. Ahli arkeologi mendapati bahawa dewan Bhahesvara (Tuhan yang dirahmati) merupakan bangunan tertua yang dibina semasa pemerintahan Raja Bhadravaman. Bagindalah memperbuat sebatang tiang utama daripada batu dengan catatan sumpahan jika ada sesiapa yang memusnahkannya.

(Dipetik dan diubah suai: "Di perkarangan kuil my son"  
Dewan Budaya, Ogos 2016)

1. Di manakah tempat yang dilawati oleh penulis?
  - A. Danang
  - B. My Son
  - C. Quang Nam
  - D. Kerajaan Cham
  
2. Apakah kegunaan air sungai dari lembah gunung?
  - A. penternakan
  - B. empangan air
  - C. bekalan kegunaan kompleks
  - D. sumber kehidupan agama dan budaya

3. Tujuan pembinaan kuil ini adalah ...
- A. sebagai tempat kebudayaan
  - B. sebagai tempat pelancongan
  - C. untuk dipersembahkan kepada dewa Siva
  - D. sebagai tempat menjalankan penyelidikan oleh UNESCO
4. Maklumat pada dinding diukir dengan menggunakan ...
- A. bahasa Cham
  - B. bahasa Hindu
  - C. bahasa Sanskrit
  - D. bahasa Cham dan Sanskrit
5. Pilih pernyataan yang **SALAH** berkaitan cacatan di atas.
- A. Kompleks tersebut telah dibom oleh Australia
  - B. Terdapat 70 buah bangunan kompleks di lembah tersebut.
  - C. Indrapura dan Simhapura merupakan pemerintah daripada Kerajaan Cham.
  - D. Dewan Bhahresvara (Tuhan yang dirahmati) merupakan bangunan tertua.

**Bahagian B**  
**[25 Markah]**

**SOALAN 2**

- (i) Baca petikan di bawah dengan teliti dan tulis satu ringkasan **faedah penggunaan kamera litar tertutup (CCTV)**. Panjang ringkasan hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan untuk menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

**(5 Markah)**

Kebelakangan ini, pelbagai masalah yang melibatkan keselamatan diri, kecurian, dan rompakan semakin menjadi-jadi. Taraf hidup yang tinggi telah memaksa sesetengah pihak berasa tertekan dan sanggup melakukan apa-apa sahaja sebagai jalan mudah untuk memenuhi keperluan hidup. Oleh itu, tidak hairanlah jika perlakuan jenayah menjadi pilihan sesetengah individu sekalipun perbuatan tersebut bertentangan dengan nilai dan norma kehidupan masyarakat yang bertamadun. Justeru, pihak pengurusan premis telah mengambil inisiatif dengan memasang kamera litar tertutup (CCTV).

Pentingnya CCTV ini adalah kerana ia dapat merakam semua kejadian yang berlaku di dalam sesebuah premis. Pihak premis boleh melihat kembali apa yang telah berlaku sepanjang hari melalui rakaman pita video. Rakaman tersebut bertujuan untuk memperoleh maklumat tentang keadaan yang terdapat dalam premis. Sistem yang berfungsi secara automatik ini sangat penting untuk menjamin keselamatan sesebuah

premis. Dengan wujudnya CCTV, pihak pengurusan premis dapat mengambil tindakan awal untuk menghalang kejadian yang tidak diingini daripada berlaku.

Dari segi pengendalian, CCTV didatangkan dalam bentuk pakej yang terdiri daripada kamera kecil, perakam video digital, set televisyen, komputer, dan suis pemetik matriks. Selain itu, sebuah pusat pengawalan perlu disediakan untuk menempatkan peralatan yang terkandung dalam pakej yang disediakan itu. Kamera akan dipasang pada setiap penjuru bangunan sama ada di luar atau di dalam. Terdapat perisian khas yang dikenali 'pusat pengawalan' yang dimuat turun dalam komputer untuk melancarkan sebarang proses. Dengan adanya perisian ini, seseorang pengawal tidak perlu menggunakan cara manual untuk mengawal alat tersebut.



CCTV direka untuk memenuhi ciri aplikasi keselamatan. Selain mudah untuk diintegrasikan bersama dengan produk keselamatan termasuk alat perakam video dan pemetik suis matrik, sistem ini menyediakan sayu penyatuan yang lengkap untuk memudahkan proses pemasangan dengan kos penyelenggaraan yang rendah. Pada masa ini, keselamatan menjadi salah satu aspek yang paling penting dalam kehidupan. Oleh itu, langkah yang bijak perlu diambil untuk membanteras kejadian daripada berlaku, dan penggunaan CCTV merupakan jawapan terbaik dalam meningkatkan sistem keselamatan sesebuah premis.

Sehubungan itu, faedah CCTV tidak wajar ditolak apabila berbicara tentang langkah mengaplikasikan sistem keselamatan untuk mengawal keselamatan premis. Menerusi aplikasi CCTV, pihak pengurusan premis akan sentiasa peka dengan semua kejadian yang berlaku dan ia akan membantu membuat laporan susulan untuk diambil tindakan.

(Dipetik dan diubah suai daripada rencana  
"CCTV Meninjau Ruang Sunyi", *Dewan Kosmik*,  
September 2006)

- (ii) Berdasarkan rajah di bawah, anda dikehendaki menulis karangan tentang **kepentingan memartabatkan budaya bacaan dalam kehidupan seharian**. Panjang huraian anda hendaklah **tidak melebihi 150 patah perkataan**.

(10 Markah)





(iii) Anda dikehendaki memilih **salah satu** karangan di bawah. Panjang karang yang perlu ditulis hendaklah **tidak melebihi 150 patah perkataan**.

(10 Markah)

a. Semangat kejiranan sangat penting dalam kehidupan kita. Anda dikehendaki membincangkan *kepentingan amalan gaya hidup sihat*.

**atau**

b. Anda sebagai Setiausaha Unit Disiplin dikehendaki menulis sepucuk surat kepada pengetua sekolah bahawa Unit Disiplin berhasrat untuk merealisasikan budaya disiplin unggul pada Hari Disiplin yang akan berlangsung tidak lama lagi.

**Bahagian C**  
**[15 Markah]**

**SOALAN 3**

Susun semula frasa yang berikut supaya menjadi ayat yang lengkap.

(5 Markah)

i. yang serius kepada kesihatan boleh mendatangkan mudarat jika tidak dibendung.  
Makanan kesihatan tambahan yang mempunyai bahan terlarang

---

---

ii. dan perbuatan membunuh dapat dielakkan. dengan penyakit mental hendaklah Isu  
masalah kesihatan yang bersangkutan bentuk tekanan, kemarahan, kemurungan  
ditangani dengan segera supaya sebarang

---

---

iii. dengan mengambil kira pertimbangan memastikan bahawa setiap sen yang  
diperuntukkan itu digunakan secara berhemat dan lestari. antara hasil dengan  
perbelanjaan serta Belanjawan memerlukan perancangan teliti

---

---

iv. ditetapkan dalam sektor awam menjadi tanda aras bagi industri pekerjaan sektor  
menunjukkan bahawa peraturan yang swasta untuk menentukan umur bersara wajib.  
Perkembangan industri pekerjaan di Malaysia

---

---

- v. mendapatkan pengesahan tahap kesihatan. Individu yang memelihara haiwan yang perlu lebih peka terhadap status kesihatan berisiko tinggi dijangkiti penyakit rabies dengan membawanya ke klinik haiwan untuk
- 
- 

#### SOALAN 4

Pilih jawapan yang tepat.

(5 Markah)

1. Dato' Siti Nurhaliza merupakan \_\_\_\_\_ di Malaysia. Beliau telah banyak menyumbang kejayaan dalam bidang nyanyian sama ada di dalam mahupun di luar negara.
  - A. seniwati
  - B. seniman
  - C. budiman
  - D. peragawati
2. Dalam mempelajari bahasa Melayu, pelajar perlu memahami \_\_\_\_\_ dengan baik dan perlu bijak menyesuaikan dengan sesuatu situasi.
  - A. tatatertib
  - B. tatasusila
  - C. tataurusan
  - D. tatabahasa
3. Doktor Almard \_\_\_\_\_ luka pada kaki mangsa kemalangan itu dengan kain kasa.
  - A. balut
  - B. baluti
  - C. membaluti
  - D. membalutkan
4. Pak Cik Muthu \_\_\_\_\_ di ladang sawit kerana hujan lebat turun secara tiba-tiba.
  - A. kesedihan
  - B. kedinginan
  - C. kepanasan
  - D. kesempitan

5. Melisa menyanyi di halaman rumah, \_\_\_\_\_ ibunya sedang mengait buah mangga.
- A. dan
  - B. tetapi
  - C. sambil
  - D. manakala

### SOALAN 5

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai bagi pernyataan di bawah.

(5 Markah)

- a. bagai melepaskan batuk di tangga
- b. bagai ketam mengajar anaknya berjalan lurus
- c. bagai cendawan tumbuh selepas hujan
- d. mencurahkan air ke atas daun keladi
- e. melentur buluh biarlah daripada rebungnya

1. Segala nasihat yang diberikan kepada Ganesh hanya sia-sia. Semuanya tidak diendahkan. Nasihat tersebut seperti \_\_\_\_\_.
2. Anak-anak perlu diajar daripada kecil supaya tidak membuang sampah di merata-rata kerana \_\_\_\_\_.
3. "Saya tidak mahu kamu melakukan kerja itu sambil lewa \_\_\_\_\_", kata penyelia di tapak bangunan tersebut.
4. Institut pengajian swasta kelihatan wujud di merata tempat \_\_\_\_\_.
5. Orang yang menyuruh orang lain melakukan sesuatu perkara dengan baik, padahal dia sendiri tidak melakukannya seperti yang dinasihati. Maksud pernyataan ini merujuk kepada \_\_\_\_\_.

**Bahagian D**  
**[25 Markah]**

Bahagian ini terdiri daripada empat bahagian soalan. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.

**SOALAN 6**

Berdasarkan sajak di bawah, jawab soalan yang berikutnya.

**(5 Markah)**

**KEUSANGAN BUDAYA**

Ketika dulu kelihatan sang dara  
bersimpuh ayu bersalut songket  
tenunan Melayu  
menganyam segar

Kelihatan sang teruna  
menerang ara berbaju Melayu  
warisan bangsa meniup  
seruling bambu merdu dan  
sayu

Ketika ini tiada lagi  
sang dara ayu tiada  
juga teruna gagah

kini yang ada cuma tubuh-tubuh lesu  
tubuh-tubuh kaku

Kedengaran irama gamat  
menodai kedamaian seruling  
bambu diam keusangan  
songket dan batik muram disisihkan

Ayahanda bonda di pondok  
memalu nobat di sisi melihat  
sayu sang Sita Dewi yang  
usang tidak bermaya lagi

(Dipetik daripada Antologi Cerpen dan Puisi:  
Atlantis, Duniaku Duniamu, 1996  
dalam *Antologi Harga Sebuah Lukisan*:  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- i. Sajak di atas bertemakan ...
  - A. pengaruh budaya asing
  - B. generasi muda pinggirkan budaya Melayu
  - C. budaya bangsa Melayu yang kian luput ditelan zaman
  - D. kehidupan masyarakat Melayu pada sebelum kemerdekaan
  
- ii. Berdasarkan rangkap ketiga, apakah yang hendak disampaikan oleh penyajak?
  - A. pemuda gigih meneroka hasil hutan.
  - B. mengambil iktibar daripada kematian.
  - C. pemuda dapat bermain alat muzik dengan merdu dan mengasyikkan.
  - D. sukar untuk bertemu dengan gadis atau pemuda yang mengamalkan budaya Melayu.

- iii. Yang manakah merupakan frasa berbentuk *anafora*?
- tubuh-tubuh lesu; tubuh-tubuh kaku
  - irama gamat menodai kedamaian
  - seruling bambu diam keusangan
  - melihat sayu Sang Sita Dewi
- iv. Bagaimanakah keadaan pemuda dan pemudi pada zaman dahulu?
- sentiasa lesu dan kaku
  - meminati muzik moden
  - mengamalkan warisan bangsa
  - menyisihkan songket dan batik
- v. Pengajaran yang diperoleh daripada sajak di atas, adalah seperti yang berikut, **KECUALI** ...
- mesti menghargai kebudayaan kita
  - mengagungkan kemodenan
  - mempertahankan budaya daripada tercemar
  - memelihara pelihara permainan tradisional

### SOALAN 7

- i. Apakah tema sajak "*Seorang Insan Istimewa*"?  
 ..... (3 Markah)
- ii. Apakah persoalan dalam "*Seorang Insan Istimewa*"?  
 ..... (3 Markah)
- iii. Nyatakan dua pengajaran yang terdapat dalam "*Seorang Insan Istimewa*"?
- .....
  - ..... (3 Markah)

## Soalan 8

Baca cerpen di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

Kamal Hijaz akan menggunakan medium *water colour* sebagai pilihannya. Kalau menggunakan *poster colour* atau cat minyak, tentulah lebih sukar untuk melukis dalam tempoh dua jam, tempoh yang ditetapkan dalam peraduan melukis itu.

Tiga hari Kamal Hijaz berlatih untuk melukis gambar pemandangan di sawah padi dan gambar pahlawan sedang bertikam. Dia lebih bertekad untuk melukis gambar pemandangan di sawah padi ketika petani sedang bergotong-royong menuai padi dan pada latarnya kanak-kanak sedang bermain wau bulan. Di langit, burung layang-layang sedang berlegar-legar bermain angin.

Hari Sabtu, hari persekolahan. Di Sekolah Menengah Kebangsaan Sirusa itulah tempat akan berlangsungnya pertandingan melukis itu. Sudah banyak murid sekolah menengah lain yang hadir untuk menyertai pertandingan melukis itu. Kamal Hijaz duduk bersandar pada bangku simen terazo yang terletak berhampiran dengan taman mini sekolah.

Maryati, kawan sekolahnya datang bersama-sama Norlela. Mereka berdua amat rapat dan jarang berenggang. *Macam belangkas*. Mereka menyangang beg di bahu. Tentu di dalamnya diisi dengan peralatan melukis serta pek kertas lukisan.

Mereka berdua mula melabuhkan punggung di atas bangku simen di hadapan Kamal Hijaz.

“Hai, Kamal!” sapa Maryati seperti biasa. Mesra dan petah. “Awal nampaknya kamu.” Kamal Hijaz hanya tersenyum.

(Dipetik daripada cerpen *Harga Sebuah Lukisan*,  
Antologi *Harga Sebuah Lukisan*, DBP, 2011)

i. Pertandingan yang akan disertai oleh Kamal Hijaz, adalah ...

- A. melukis
- B. menangkap
- C. mencetak
- D. mencanting

ii. \_\_\_\_\_ sebagai medium yang akan digunakan oleh Kamal Hijaz semasa pertandingan.

- A. cat air
- B. cat poster
- C. cat minyak
- D. cat kanvas

*Macam belangkas*

- iii. Perumpamaan di atas membawa maksud ...
- A. berkepit
  - B. malas bergerak
  - C. tidak pernah berpisah
  - D. hubungan rapat dan tidak boleh dipisahkan
- iv. Tema yang menjadi pilihan Kamal Hijaz, ialah ...
- A. pahlawan sedang bertikam
  - B. kanak-kanak bermain wau bulan
  - C. sawah padi, petani sedang menuai padi
  - D. langit dan burung berterbangan di langit
- v. Berikut merupakan peralatan melukis, **KECUALI** ...
- A. pisau palet
  - B. geometri
  - C. easel
  - D. kaus

**SOALAN 9**

Berdasarkan kajian Antologi Harga Sebuah Lukisan, huraikan tema dan persoalan yang terdapat dalam cerpen "*Budi Semangkuk Daging*".

**(6 Markah)**

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

**KERTAS SOALAN TAMAT**